



MAJLIS BERTAHLIL
BAGI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN IBNI
AL-MARHUM SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM
DAN AL-MARHUMAH DULI RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT BINTI
AL-MARHUM PENGIRAN BENDAHARA PENGIRAN ANAK ABDUL RAHMAN.

KUBAH MAKAM DIRAJA, JALAN TUTONG
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HARI ISNIN 14 RAMADHAN 1437 BERSAMAAN DENGAN 20 JUN 2016

-
1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman sempena bulan Ramadhan 1437H/2016M di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.
 2. Hadir di majlis ini ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pendidikan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II; Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd Hanifah, Timbalan Menteri Kewangan; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan lelaki AMBD.
 3. Majlis ini dimulakan dengan bacaan Surah Yassin dan seterusnya, tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Mulia Imam Awang Faizal bin Rosli @Janif, Imam Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.
 4. Dalam masa yang sama, AMBD juga telah mengadakan Majlis Ceramah sempena bulan Ramadhan 1437H/2016M untuk pegawai-pegawai dan kakitangan perempuan AMBD di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan. Ceramah yang bertajuk 'Tanggungjawab Seorang Anak' telah disampaikan oleh Yang Mulia Ustazah Hjh Zunainah binti Hj Gunung, Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah daripada Pusat Dakwah Islamiah, Negara Brunei Darussalam.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 14 Ramadhan 1436 / 20 Jun 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3